



جابتن حال إحوال إكمام إسلام قولوا فينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
REJAB :
APA YANG DITUAI,
ITU YANG DISEMAI



Tarikh Bacaan:
3 JANUARI 2025M / 3 REJAB 1446H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBr. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Rejab:

Apa Yang Ditanam, Itu Yang Dituai

3 Januari 2025M/ 3 Rejab 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ
وَقَتِلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يُقْتَلُونَكُمْ كَافَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ ﴿سورة التَّوْبَةِ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدُ الْأَمِينُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْمَخْلُوقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

PARA TETAMU JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*
dengan memanfaatkan masa yang ada untuk melakukan segala suruhan
Allah dan meninggalkan larangan-Nya.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh
perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan
perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam



masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Pada hari ini, mimbar akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **“Rejab: Apa Yang Ditanam, Itu Yang Dituai.”**

KAUM MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Bulan Rejab merupakan bulan ke tujuh dalam takwim Hijrah. Bulan Rejab juga merupakan bulan yang penuh keistimewaan dan kemuliaan. Kemuliaan ini terbukti apabila bulan Rejab termasuk di dalam salah satu daripada bulan-bulan haram. Sejak dahulu lagi bangsa Arab memuliakan bulan-bulan yang tertentu. Mereka berusaha mengelakkan sebarang pertelingkahan dan perbalahan sesama mereka atas kepentingan kaum dan perniagaan. Kedatangan Islam mengekalkan kemuliaan dan kedudukan bulan-bulan tersebut dan dinamakan bulan haram. Firman Allah *سُبْحَانَكَ وَتَعَالَى* dalam surah At-Taubah ayat 36 yang telah dibacakan oleh khatib pada muqaddimah tadi yang bermaksud:

Maksudnya: *“Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam kitab Allah semasa Ia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah agama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya); dan perangilah kaum kafir Musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya; dan ketahuilah sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bertakwa”.*

Imam Al-Qurtubi ketika mensyarahkan ayat tersebut menyatakan bahawa bulan-bulan di dalam ayat tersebut merujuk kepada empat bulan utama iaitu Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rejab. Para ulamak

menerangkan bahawa sepanjang tempoh bulan haram tersebut umat Islam perlulah mengelakkan diri dari peperangan dan sebarang bentuk kezaliman serta kerosakkan.

Bulan haram juga berperanan sebagai tempoh umat Islam memperbaiki diri dan menyucikan jiwa dari segala sifat mazmumah seperti dengki, sombong, pertelingkahan, perselisihan serta segala bentuk perpecahan. Sheikh Mustafa Al-Bugha menyatakan bahawa bulan Rejab juga digelar Rajab Mudhar (رَجَبُ مُضَرَ) oleh Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ lantaran semangat yang ditunjukkan oleh salah satu kaum iaitu Bani Mudhar (بنِي مُضَرَ) yang amat menitikberatkan kemuliaan bulan tersebut. Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

الزَّمَانُ قَدْ اسْتَدَارَ كَهَيْئَتِهِ يَوْمَ خَلَقَ اللَّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ، السَّنَةُ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا، مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ، ثَلَاثَةٌ مُتَوَالِيَاتٌ: ذُو الْقَعْدَةِ وَذُو الْحِجَّةِ وَالْمُحَرَّمِ، وَرَجَبُ مُضَرَ، الَّذِي بَيْنَ جُمَادَى وَشَعْبَانَ

Maksudnya: *“Waktu berputar sebagaimana keadaan ketika Allah menciptakan langit dan bumi. Satu tahun terdiri daripada dua belas bulan, daripadanya terdapat empat bulan yang haram (suci) iaitu tiga daripadanya mengikut turutan (Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharram) dan yang keempat adalah Rajab Mudhar terletak antara Jamadilakhir dan Syaaban.”* ﴿Hadis Riwayat Al Bukhari﴾

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Terdapat beberapa peristiwa penting yang berlaku sepanjang bulan Rejab antaranya:

1. Isra' dan Mi'raj

Perjalanan merentas masa bagi membawa Rasulullah ﷺ bertemu dengan Allah ﷻ di Sidratul Muntaha untuk dianugerahkan perintah solat lima waktu.

2. Hijrah ke Habsyah

Hijrah pertama ke Habsyah berlaku pada tahun kelima kenabian ekoran peningkatan ancaman dan siksaan saban hari yang diterima oleh Nabi dan para sahabat.

3. Pembukaan Kota Al-Quds

Kejayaan panglima Solahuddin Al-Ayyubi bersama pasukan kaum muslimin mengepung dan membebaskan Kota Al-Quds setelah hampir 50 tahun kota suci itu di bawah belunggu penjajahan Tentera Salib.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Memasuki bulan Rejab bermakna kita berada di gerbang Ramadhan. Persiapan bagi menghadapi Ramadhan sudah boleh dimulakan dengan mempertingkatkan amal soleh dan kebajikan. Seumpama sebatang pohon yang mula disemai dan tumbuh subur berbunga di bulan Rejab, mula berbuah di bulan Syaaban dan dituai hasilnya di bulan Ramadhan. Demikian perumpamaan yang dinukilkan

oleh Sheikh Abu Bakar Al-Warraaq Al-Bulkhi (شَيْخُ أَبُو بَكْرٍ الْوَرَّاقُ الْبُلْخِيُّ) رَحْمَةُ اللَّهِ.

Oleh itu marilah kita mengambil peluang di sepanjang bulan Rejab yang mulia ini untuk mempertingkatkan ibadah dan amal soleh. Amal yang kita baja dan semai di dalam bulan Rejab itulah yang akan dituai apabila tiba Ramadhan kelak. Biasakan diri untuk memperbanyakkan ibadah-ibadah sunat, membaca Al-Quran, bersedekah, zikrullah dan berpuasa. Saidina Uthman bin Hakim berkata:

سَأَلْتُ سَعِيدَ بْنَ جُبَيْرٍ، عَنْ صَوْمِ رَجَبٍ وَنَحْنُ يَوْمَئِذٍ فِي رَجَبٍ فَقَالَ: سَمِعْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، يَقُولُ: كَانَ رَسُولُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُومُ حَتَّى نَقُولَ لَا يُفْطِرُ، وَيُفْطِرُ حَتَّى نَقُولَ لَا يَصُومُ

Maksudnya: “Aku bertanya kepada Said bin Jubair tentang puasa Rejab, apa pandanganmu? Beliau menjawab: Ibnu Abbas memberitahu kami bahawa: Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ biasa berpuasa sehingga kami menyangka baginda صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ tidak akan berbuka. Baginda juga terus berbuka sehingga kami menyangka baginda tidak akan berpuasa.”

﴿ Hadis Riwayat Muslim ﴾

SIDANG JEMAAH RAHIMAKUMULLAH,

Mengakhiri khutbah, mimbar menggariskan tiga perkara penting sebagai panduan:

Pertama: Mensyukuri setiap kurniaan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* kepada kita sebagai hamba-Nya dan berusaha menjauhi segala larangan-Nya.

Kedua: Bulan Rejab merupakan salah satu daripada bulan haram yang penuh dengan kemuliaan dan kedudukan yang istimewa di dalam Islam.

Ketiga: Hendaklah memperbanyakkan ibadah-ibadah sunat terutamanya pada bulan Rejab sebagai persiapan rohani menuju bulan Ramadhan.

Ayuh berdoa agar diberkati umur sepanjang Rejab, serta dapat memperbanyakkan ibadah di dalamnya. Kita juga dianjurkan untuk berdoa agar dipanjangkan usia moga bertemu dengan bulan Ramadhan.

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ، وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

Maksudnya: *“Ya Allah, berkatilah kami pada bulan Rejab dan Syaaban, dan sampaikanlah kami kepada bulan Ramadhan.”*

Firman Allah dalam surah Al-Ankabut ayat 7:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَنُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَحْسَنَ الَّذِي

كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٧﴾

Maksudnya: *“Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh sesungguhnya Kami akan hapuskan daripada mereka kesalahan-kesalahan mereka, dan kami akan membalas apa yang mereka telah kerjakan- dengan sebaik-baik balasan.”*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2025M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى رِضْوَانِهِ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبَّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ وَاتَّبَعَ
رِضَاكَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا خُصُوصًا بِوِلَايَةِ فُؤَلَاوِ فَيَنْبَغِ أَمِنًا مُطْمَئِنًّا سَخَاءَ
رَخَاءَ، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِيْنِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ،

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِيْنَ صَالِحِيْنَ مُصْلِحِيْنَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ
وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua
Negeri Pulau Pinang dan Toh Puan Dato' Seri Utama Khadijah binti
Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْعَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat
melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf
Pulau Pinang. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf
sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis
Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan
keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١١﴾



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG